

10 JAN 2001

RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA MCA DAN GERAKAN PADA 24 JAN

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- MCA dan Gerakan akan mengadakan rumah terbuka Tahun Baru Cina pada 24 Jan ini di ibu pejabat masing-masing.

Ong Boon See, setiausaha akhbar Presiden MCA, hari ini berkata rumah terbuka MCA akan diadakan di Wisma MCA bermula 9 pagi.

Beliau berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri kabinet dijangka hadir.

Gerakan pula akan mengadakan rumah terbukanya di Menara PGRM di sini bermula 10 pagi, demikian menurut kenyataan parti itu.

-- BERNAMA

YBK ZS MAI